

B547  
MAHATHIR-GETAH  
(1)

1980

KUALA LUMPUR, 11 NOV. (BERNAMA) — NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SEPERTI MALAYSIA HENDAKLAH DIBERI PELUANG MEMPROSES BAHAN-BAHAN PENGELUARANNYA BAGI MEMBOLEHKAN BARANG-BARANG SIAP DIJUAL DENGAN HARGA MURAH DI PASARAN ANTARABANGSA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED KETIKA MEMBUAT SERUAN ITU BERKATA HARI INI. HALANGAN BESAR YANG DIKENAKAN OLEH NEGARA-

NEGARA MAJU TERHADAP IMPORT BARANG-BARANG SIAP IALAH DENGAN MENGENAKAN QUOTA TARIF DAN LAIN-LAIN YANG MERUPAKAN RINTANGAN BAGI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MENJALANKAN KEGIATAN PENGILANGAN.

TAMBAHNYA: +JANGANLAH TERUS MEMBIARKAN PERDAGANGAN DUNIA YANG TIDAK BETUL ITU DENGAN MENGENAKAN TARIF YANG TINGGI DAN LAIN-LAIN LANGKAH PERLINDUNGAN BAGI MENGHALANG PENDUDUK DUNIA DARI MENIKMATI PELUANG MENJALANKAN GERAKAN PENGELUARAN YANG CEKAP.

+BIARLAH KAMI MENGELUARKAN BARANG-BARANG DENGAN KOS YANG RENDAH DAN BERILAH PELUANG KEPADA RAKYAT NEGARA-NEGARA MAJU MEMBELI BARANG-BARANG YANG LEBIH MURAH+, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI PENGELUARAN BARANGAN DARI BAHAN GETAH DI MALAYSIA DI SINI.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA MALAYSIA, SEPERTI LAIN-LAIN NEGARA MEMBANGUN, TIDAK MEMBUAT TUNTUTAN YANG TIDAK MENASABAH KEPADA NEGARA-NEGARA MAJU. — BERSAMBONG 1655/YF

130

B548  
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

+APA YANG KAMI MINTA IALAH PENGIKTIRAFAN TERHADAP PERATURAN ANTARABANGSA MENGENAI FAEDAH BANDINGAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA MALAYSIA KETIKA INI TIDAK BERHASRAT UNTUK MEMAJUKAN PENGELUARAN TEKNOLOGI KOMPUTER YANG TINGGI, ALAT-ALAT SAINTIFIK RUMIT ATAU KAPALTERBANG.

INI KERANA KEUPAYAAN TEKNOLOGI BAGI PENGELUARAN BAHAN-BAHAN ITU KINI TERDAPAT HANYA DI NEGARA-NEGARA MAJU TETAPI LAIN PULA CERITANYA BILA PERTIMBANGAN DIBERI KEPADA SUMBER-SUMBER ASLI.

DISEBALIK MENKESPORT GETAH ASLI YANG MENPUNYAI NILAI RENDAH DAN MENGGUNAKAN TENAGA BURUH YANG TINGGI UNTUK MEMPROSES BARANG-BARANG SIAP YANG KEMUDIAN DIEKSORT KE NEGARA-NEGARA YANG BERPENDAPATAN RENDAH, MALAYSIA INGIN MELIHAT BARANG-BARANG ITU DIKILANGKAN DI TEMPAT IA DIDAPATI SERTA MENGGUNAKAN TENAGA BURUH YANG RENDAH DAN BAHAN ASLI DAN KUASA YANG BANYAK.

INI AKAN MENOLONG NEGARA-NEGARA MAJU DALAM USAHA MENCEGAH INFLASI, TAMBAHNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN SERUANNYA ITU MEMERLUKAN PENYUSUNAN SEMULA INDUSTRI-INDUSTRI DI NEGARA MAJU TETAPI INI HANYA UNTUK SEMENTARA SAHAJA KERANA DALAM JANGKA MASA PANJANG IA AKAN MEMBERI FAEDAH KEPADA SEMUA PIHAK. — BERSAMBONG 1700/YF

MAHATHIR-GETAH 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MENGAMBIL SEGALA LANGKAH PERLU BAGI MENYOKONG PARA PELABUR YANG MENYERTAI INDUSTRI PENGILANGAN BAHAN GETAH TEMPATAN.

KATANYA, KERAJAAN TELAH MEMBERI PERHATIAN SEWAJARNYA UNTUK MEWUJUDKAN IKLIM BAIK BAGI PARA PENGELUAR BARANG-BARANG YANG BERASASKAN GETAH MENUBUHKAN KILANG DI NEGARA INI.

MENURUTNYA, KEBELAKANGAN INI MALAYSIA TELAH BERJAYA MENARIK BEBERAPA SYARIKAT ANTARABANGSA YANG TERLIBAT DALAM PENGELUARAN BARANG-BARANG GETAH UNTUK MENJALANKAN GERAKAN MEREKA DI NEGARA INI.

INI TELAH MENDORONG PENUBUHAN SYARIKAT-SYARIKAT BERASASKAN EKSPORT SAPERTI SARUNG TANGAN DAN SARUNG RENANG.

BELIAU YAKIN DALAM MASA DUA TAHUN AKAN DATANG, MALAYSIA AKAN MERUPAKAN PENGEKSPORT TERBESAR BAGI SARUNG TANGAN GETAH.

LANGKAH INI ADALAH SATU PERTANDA BAIK BAGI MENCAPAI MATLAMAT KERAJAAN IA ITU PADA AKHIR TAHUN LAPAN PULUHAN MALAYSIA AKAN MENJADI PENGEKSPORT UTAMA DUNIA BAGI BARANG-BARANG PENGELUARAN BERASASKAN GETAH.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENARIK PERHATIAN KEMUNGKINAN DUTI EKSPORT YANG DIKECUALIKAN BAGI GETAH YANG DIJADIKAN BARANG SIAP DITARIK BALIK PADA MASA AKAN DATANG DENGAN BERTAMBAHNYA PENUBUHAN KILANG-KILANG MENGELUARKAN BARANG-BARANG ITU. — BERSAMBONG  
1703/YF

B550

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA PENGUMUMAN ITU BUKAN BERERTI KERAJAAN BERNIAT UNTUK MENARIK BALIK PENGECEUALIAN ITU.

IA HANYA RANCANGAN MASA DEPAN TETAPI BAGI PEKILANG-PEKILANG YANG TELAH MENUBUHKAN PROJEK MEREKA SEKARANG AKAN TERUS MENIKMATI SEPENUHNYA FAEDAH DARI GALAKAN INI.

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA APA SAJA TINDAKAN YANG TELAH DIAMBIL, PENGELUARAN BAHAN GETAH DI MALAYSIA AKAN LEBIH BERUNTUNG DARI MEREKA YANG MENJALANKAN KEGIATAN DI LUAR NEGERI.

SERAMAI 260 PESERTA MENGHADIRI SIDANG DUA HARI ITU. — BERNAMA  
1707/YF

131